



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM) KALI KE-27 TAHUN 2024

1. **BANGI, 17 OGOS 2024** - Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia telah merasmikan Perasmian Istiadat Konvokesyen Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Kali ke-27 Tahun 2024. Seramai 6,954 graduan dari Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) seluruh negara telah berjaya menamatkan pengajian dan layak dianugerahkan Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil pada Istiadat Konvokesyen kali ini. Istiadat Konvokesyen ini diadakan di Bangi Avenue Convention Center (BACC) selama 2 hari mulai 17 Ogos sehingga 18 Ogos 2024. Tema Istiadat Konvokesyen pada tahun ini adalah **“Memperkasakan Kemahiran, Menyemarakkan Masa Hadapan”**.
2. Istiadat Konvokesyen ini meraikan graduan daripada 32 kampus ILJTM di seluruh negara iaitu daripada Institut Teknikal Jepun-Malaysia, 8 kampus Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan 23 kampus Institut Latihan Perindustrian (ILP). Pecahan graduan adalah Diploma Lanjutan seramai 4 orang, Diploma seramai 2,411 orang dan Sijil adalah seramai 4,539 orang.
3. Graduan–graduan ini terdiri daripada lulusan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILJTM dalam 10 bidang kluster TVET iaitu ICT, Sivil, Elektronik, Kimpalan, Pembuatan, Percetakan, Pengangkutan, Pengeluaran Produk, Penyelenggaraan Elektrik dan Perkhidmatan Kejuruteraan.
4. Sehingga kini, ILJTM telah berjaya mengeluarkan sejumlah 232,096 graduan sepenuh masa di mana mereka merupakan pekerja berkemahiran yang menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi Negara.
5. Istiadat Konvokesyen ILJTM pada tahun ini turut mengiktiraf dan menghargai aspek kecemerlangan di mana lima (5) anugerah telah disediakan iaitu Anugerah Graduan Terbaik, Anugerah Khas Graduan, Anugerah Tokoh Alumni, Anugerah Pengajar Cemerlang dan Anugerah Rakan Kerjasama Strategik.

6. Pencapaian kadar kebolehpasaran (*employability*) graduan ILJTM adalah pada tahap 92.2% bagi 6,445 graduan yang bergraduasi pada tahun 2023. Tahniah diucapkan kepada tiga (3) ILJTM yang mencatatkan peratus kebolehpasaran tertinggi bagi tahun 2023 iaitu 100% bagi ILP Bukit Katil, 98.8% bagi ILP Pasir Gudang dan 97.7% bagi ILP Mersing.
7. Daripada jumlah graduan yang telah bekerja, 79.7% mendapat pekerjaan dalam bidang, menunjukkan latihan di ILJTM bertepatan dengan keperluan industri. Tempoh masa graduan mendapat pekerjaan menunjukkan 50% menerima tawaran kerja kurang sebulan selepas menamatkan pengajian, indikator graduan ILJTM sangat dicari oleh industri selepas tamat latihan. Ini menunjukkan keyakinan industri terhadap kompetensi dan kemahiran graduan serta program yang ditawarkan oleh ILJTM amat relevan dan berkesan dalam memenuhi keperluan industri.
8. Salah satu faktor yang menyumbang kepada kebolehpasaran graduan yang tinggi adalah kerjasama strategik yang terjalin antara ILJTM dengan pihak industri. Berdasarkan rekod, sebanyak 147 kerjasama telah dimeterai dalam bentuk memorandum perjanjian, memorandum persefahaman, memorandum kerjasama dan nota kerjasama dengan pihak industri, institusi latihan serta agensi dan jabatan kerajaan.
9. Kerjasama dengan pihak industri dalam memastikan peningkatan program TVET di ILJTM meliputi perkongsian kepakaran dan teknikal, peningkatan kemahiran kepada pekerja industri, penempatan sangkutan industri pengajar, penempatan latihan industri pelajar serta penempatan pekerjaan kepada graduan ILJTM.
10. Dalam era teknologi yang dinamik dan pesat, sinergi dengan pihak industri menjadi salah satu agenda utama, bagi memastikan JTM kekal relevan dengan teknologi semasa. Oleh yang demikian, kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan dan GLC di Malaysia sedang giat diperhalusi dan dibincangkan.
11. Penubuhan JTM-PROTON Automotif Academy @ADTEC Melaka dijangka akan direalisasikan dalam masa terdekat. Dengan penglibatan PROTON dalam latihan, JTM yakin dapat melatih lebih ramai pekerja dalam bidang automotif yang inovatif, relevan dan sejajar dengan keperluan semasa.
12. Kesemua aktiviti yang telah disebutkan tadi merupakan usaha ke arah meningkatkan kualiti dan martabat program TVET, khususnya yang dilaksanakan di ILJTM. Kerajaan mahu lebih ramai lagi belia menceburi TVET agar mereka mendapat peluang untuk membina kerjaya yang cemerlang pada masa hadapan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
17 OGOS 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	